

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 13 TAHUN 1977

PERMOHONAN MILIK TANAH DALAM KAWASAN RANCANGAN PENYELESAIAN TANAH (LAND SCHEME)

Berhubung dengan perkara di atas, Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 4.8.1977 selepas menumbang Kertas Bil 15/700/77(10) telah membuat keputusan supaya permohonan-permohonan baharu bagi memiliki tanah dalam Kawasan Rancangan Land Scheme hendaklah tidak diterima, kecuali dalam Kes-kes yang tertentu mengikut arahan dari Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dari semasa ke semasa. Sungguhpun begitu Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam siding yang sama telah membuat ketetapan sebagai dasar bahawa permohonan-permohonan yang telah sedia ada yang telah diterima sebelum Kawasan atau Mukim yang berkenaan itu diwartakan sebagai Kawasan Rancangan Penyelesaian Tanah hendaklah diproses dan dijalankan sukat seperti biasa dan diangkat bagi timbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan bagi tiap-tiap satu kes.

2. Selepas permohonan-permohonan itu diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dan segala bayarannya dijelaskan oleh pemohon yang berkenaan maka fail permohonan milik tanah itu hendaklah diedarkan ke Pejabat Penyelesaian Tanah untuk diambil tindakan yang sewajarnya.

Sekian sahaja dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah

t.t

(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)

Pengarah Tanah Dan Galian
Kelantan

KEPADA:

Semua PHT dan Penolong-Penolong PHT, Kelantan

Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang

SALINAN KEPADA:

YB Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

YB Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Pengarah L.K.T.N Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU**

FAIL: PTG. (KN) 3277/(9)

KOTA BHARU: 17HB. OGOS 1977